Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm.315-336
e-ISSN: 2600-8726© Mohammad Nazri Ismail & Bilcher Bala
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

# PENYERAHAN SARAWAK KEPADA BRITISH DAN TRANSFORMASI POLITIK ORANG MELAYU DI KUCHING, 1946-1963

*The Cession of Sarawak to Britain and the Political Transformation of the Malays in Kuching, 1946-1963*

**Mohammad Nazri Ismail[1] & Bilcher Bala*[2]**

[1&2]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: Bilcher@ums.edu.my

*Dihantar: 16 Ogos 2026 / Penambahbaikan: 18 September 2026*
*Diterima: 29 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026*

## Abstrak

Artikel ini membincangkan penyerahan Sarawak kepada British dan transformasi politik orang Melayu di Kuching antara 1946-1963. Kajian bertujuan menganalisis faktor yang mendorong penyerahan Sarawak, meneliti reaksi orang Melayu di Kuching terhadap perubahan pemerintahan tersebut, serta menilai implikasinya terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu. Kajian menggunakan pendekatan sejarah secara kualitatif melalui analisis sumber primer berupa dokumen arkib dan laporan, di samping sumber sekunder seperti buku, artikel jurnal, tesis dan akhbar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyerahan Sarawak tidak berpunca daripada satu faktor tunggal, tetapi terbentuk melalui gabungan masalah kewangan dan pewarisan keluarga Brooke, kemusnahan akibat Perang Dunia Kedua, keadaan ekonomi serta hubungan politik Sarawak dengan British. Reaksi orang Melayu di Kuching juga tidak bersifat homogen. Golongan anti-penyerahan menjadi kelompok yang lebih menonjol melalui pemulauan, peletakan jawatan, demonstrasi dan kegiatan persatuan, manakala sebahagian kecil masyarakat Melayu menyokong penyerahan berdasarkan pertimbangan kestabilan pemerintahan dan pemulihan Sarawak. Perbezaan tersebut memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu mentafsir masa depan politik Sarawak berdasarkan kepentingan, kedudukan dan pemahaman politik yang berbeza. Walaupun gerakan anti-penyerahan gagal membatalkan penyerahan, pengalaman mobilisasi tersebut memperkukuhkan kesedaran politik dan mendorong perkembangan persatuan serta parti politik Melayu pada zaman kolonial British. Dalam

masa yang sama, perubahan ekonomi dan sosial tidak berlaku secara seimbang apabila pembangunan kemudahan dan perkhidmatan sosial berlangsung bersama masalah kedudukan ekonomi, pendidikan dan perpecahan politik masyarakat Melayu. Kajian ini berhujah bahawa penyerahan Sarawak bukan sekadar pertukaran pentadbiran daripada Brooke kepada British, tetapi menjadi titik penting yang mempercepat transformasi politik orang Melayu di Kuching daripada gerakan bantahan kepada bentuk mobilisasi politik yang lebih tersusun.

**Kata Kunci :** Penyerahan Sarawak, Orang Melayu, Kuching, Anti-Penyerahan, Transformasi Politik

## *Abstract*

*This article examines the cession of Sarawak to Britain and the political transformation of the Malay community in Kuching between 1946-1963. The study aims to analyse the factors that led to the cession of Sarawak, examine the reactions of the Malays in Kuching to the transfer of sovereignty, and assess its political, economic, and social implications for the Malay community. Employing a qualitative historical approach, the study draws on primary sources such as archival documents and official reports, alongside secondary materials including books, journal articles, theses, and newspapers. The findings show that the cession of Sarawak did not result from a single cause but emerged from a combination of financial and succession problems within the Brooke family, the destruction caused by the Second World War, economic difficulties, and Sarawak's political relationship with Britain. Malay responses in Kuching were likewise far from homogeneous. The anti-cession group became the more visible force through boycotts, resignations, demonstrations, and associational activities, while a smaller pro-cession group supported British rule on the grounds of political stability and post-war reconstruction. These contrasting responses demonstrate that the Malay community interpreted Sarawak's political future according to differing interests, leadership positions, and political expectations. Although the anti-cession movement failed to reverse the transfer of sovereignty, the experience of mobilisation strengthened political consciousness and encouraged the growth of Malay associations and political parties during the colonial period. At the same time, political development was not matched evenly by economic and social advancement, as improvements in public services and infrastructure coexisted with*

*continuing weaknesses in Malay economic and educational conditions and with political divisions within the community. The study argues that the cession of Sarawak was not merely an administrative transfer from Brooke rule to British colonial government, but a critical turning point that accelerated the political transformation of the Malays in Kuching from protest-based mobilisation towards more organised forms of political participation.*

***Keywords*** ***:*** *Cession of Sarawak, Malays, Kuching, Anti-Cession Movement, Political Transformation*

## Pengenalan

Penyerahan Sarawak daripada pemerintahan Brooke kepada British merupakan titik perubahan penting dalam sejarah politik negeri tersebut. Perubahan kuasa ini bukan sekadar pertukaran pentadbiran, tetapi mencetuskan perdebatan mengenai legitimasi pemerintahan, hak masyarakat tempatan dan masa depan politik Sarawak. Dalam kalangan orang Melayu di Kuching, penyerahan tersebut menghasilkan reaksi yang berbeza apabila sebahagian masyarakat menentangnya melalui gerakan politik dan tindakan protes, manakala sebahagian yang lain menyokong pemerintahan British berdasarkan pertimbangan kestabilan dan pemulihan negeri. Perbezaan tersebut memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu tidak bertindak sebagai satu kelompok politik yang homogen, tetapi mempunyai pertimbangan dan kepentingan yang berbeza dalam menghadapi perubahan pemerintahan.

Kajian ini bermatlamat meneliti penyerahan Sarawak kepada British dan transformasi politik orang Melayu di Kuching antara 1946-1963. Secara khusus, kajian mempunyai tiga objektif, iaitu menganalisis faktor yang mendorong berlakunya penyerahan Sarawak; meneliti reaksi orang Melayu di Kuching terhadap perubahan pemerintahan tersebut; serta menilai implikasi penyerahan terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu. Ketiga-tiga objektif ini membolehkan penyerahan Sarawak diteliti bukan semata-mata sebagai peristiwa pertukaran kuasa, tetapi sebagai proses yang membentuk mobilisasi politik, perbezaan orientasi dalam masyarakat Melayu dan perkembangan organisasi politik pada era kolonial British.

## Permasalahan Kajian

Penyerahan Sarawak kepada British sering dihuraikan sebagai akibat daripada kelemahan kewangan negeri selepas Perang Dunia Kedua. Penjelasan tersebut mempunyai asas kerana kemusnahan infrastruktur, gangguan ekonomi dan kos pembangunan semula memang memberikan tekanan besar terhadap pemerintahan Brooke. Namun, menjadikan masalah kewangan sebagai sebab utama yang berdiri sendiri akan mengecilkan kerumitan proses penyerahan. Yaacob menghubungkan keputusan tersebut dengan tiga unsur yang saling berkaitan, iaitu masalah keluarga Brooke, hubungan Sarawak dengan British dan keadaan ekonomi pasca perang (Yaacob, 2014: 45). Osman pula menunjukkan bahawa persoalan pewarisan dinasti dan ketidakyakinan Charles Vyner Brooke terhadap Anthony Brooke turut mempengaruhi keputusan politiknya (Osman, 1990: 148). Ketegangan dalaman keluarga Brooke dengan itu bukan isu peribadi semata-mata, tetapi mempunyai implikasi langsung terhadap kesinambungan pemerintahan dinasti.

Pada masa yang sama, penyerahan perlu ditempatkan dalam hubungan politik Sarawak-British yang telah berkembang sebelum perang. Hubungan tersebut memberikan British ruang strategik untuk terlibat lebih jauh apabila pemerintahan Brooke menghadapi krisis pasca perang. Hal ini bermakna kemampuan British menyediakan sumber kewangan dan pentadbiran bukan hanya menawarkan penyelesaian kepada masalah pembangunan semula, tetapi turut mewujudkan keadaan yang memungkinkan perubahan kedaulatan. Faktor usia dan kedudukan Charles Vyner Brooke, konflik pewarisan, kerosakan akibat perang dan hubungan dengan British dengan demikian saling memperkuat antara satu sama lain (Tarling, 1992: 22; Ho, 2009: 84). Penyerahan Sarawak oleh itu lebih tepat dinilai sebagai hasil pertemuan antara krisis dalaman pemerintahan dengan perubahan struktur politik selepas perang, bukannya sebagai keputusan ekonomi yang bersifat tunggal.

Masalah tersebut menjadi lebih kompleks kerana keputusan penyerahan turut menimbulkan persoalan legitimasi dalam kalangan masyarakat tempatan. Penentang berhujah bahawa tindakan menyerahkan Sarawak bertentangan dengan semangat Perlembagaan Sarawak 1941 dan janji menuju pemerintahan sendiri. Mereka turut merujuk kepada prinsip bahawa perubahan yang menyentuh kepentingan masyarakat tempatan sepatutnya melalui perundingan

dalam Council Negri (Brooke, 1983: 29; Ho, 2019: 80). Oleh itu, pertikaian mengenai penyerahan bukan hanya berkisar kepada pihak manakah yang lebih mampu mentadbir Sarawak, tetapi turut menyentuh persoalan siapa yang mempunyai hak menentukan perubahan kedaulatan dan sejauh mana masyarakat tempatan diberikan suara dalam proses tersebut. Berdasarkan hubungan antara faktor dalaman, tekanan pasca perang, kepentingan British dan pertikaian legitimasi tersebut, hipotesis utama kajian ini ialah bahawa perubahan kedaulatan sesebuah wilayah tidak ditentukan oleh satu faktor tunggal, sebaliknya terbentuk melalui interaksi antara kelemahan dalaman pemerintah, tekanan struktur pasca konflik, kepentingan kuasa luar dan tahap legitimasi yang diberikan oleh masyarakat terhadap perubahan pemerintahan tersebut.

Reaksi orang Melayu di Kuching pula memperlihatkan masalah historiografi yang berbeza. Gerakan anti-penyerahan sangat menonjol dalam penulisan sejarah sehingga mudah menimbulkan gambaran bahawa masyarakat Melayu bertindak sebagai satu kelompok politik yang seragam. Hakikatnya, golongan Melayu sendiri terbahagi antara anti-penyerahan dan pro-penyerahan. Seng menunjukkan bahawa pengumuman penyerahan memecahkan golongan bangsawan Melayu kepada kelompok yang menyokong dan menentang perubahan tersebut (Seng, 2008: 10). Golongan anti-penyerahan merangkumi guru, penjawat awam, golongan awangan dan sebahagian pembesar Melayu, manakala kelompok pro-penyerahan turut melibatkan sebahagian aristokrat dan perabangan yang masih mempunyai hubungan dengan struktur pentadbiran. Perbezaan ini menunjukkan bahawa kedudukan sosial tidak menghasilkan satu pilihan politik yang automatik. Bahkan dalam kelompok elit yang sama terdapat perbezaan tafsiran terhadap masa depan Sarawak.

Perbezaan tersebut kemudian diterjemahkan melalui organisasi. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) menjadi salah satu saluran utama gerakan anti-penyerahan, manakala Persatuan Melayu Muda (PMM) menyediakan ruang kepada penyokong pro-penyerahan. YMA ditubuhkan pada 4 Jun 1946 di bawah pimpinan Datu Pahlawan Abang Haji Mostapha dan memperoleh sokongan pentadbiran kolonial, tetapi keahliannya kekal lebih kecil berbanding jaringan anti-penyerahan (Sulaiman, 1989: 92). Dalam historiografi yang lebih luas, Ngu turut menunjukkan bahawa gerakan anti-penyerahan merupakan salah satu ruang penting pembentukan nasionalisme Melayu Sarawak,

tetapi proses tersebut berlangsung dalam konteks politik etnik dan hubungan antara perkembangan tempatan dengan pengaruh politik yang lebih luas (Ngu, 2017: 433-444). Perspektif ini penting kerana ia mengingatkan bahawa istilah "nasionalisme" tidak semestinya menerangkan seluruh kepelbagaian motif individu yang terlibat. Sokongan kepada British juga tidak seharusnya secara automatik ditafsirkan sebagai ketiadaan kesedaran politik, kerana sebahagian penyokong melihat pentadbiran British sebagai jalan kepada kestabilan, pemulihan ekonomi dan pembangunan negeri.

Sebaliknya, kekuatan gerakan anti-penyerahan dapat dilihat melalui kemampuannya menukarkan ketidakpuasan politik kepada tindakan kolektif. Pemulauan upacara rasmi, memorandum, demonstrasi dan peletakan jawatan menunjukkan bahawa bantahan bergerak daripada pernyataan elit kepada mobilisasi sosial yang lebih luas. Apabila British mengeluarkan Circular No. 9 pada 10 Disember 1946 untuk mengancam penjawat awam yang terus terlibat dalam kegiatan anti-penyerahan dengan pemecatan, sebahagian pegawai tetap memilih meninggalkan perkhidmatan kerajaan (Osman, 1990: 158). Guru yang meletakkan jawatan kemudiannya terlibat dalam penubuhan sekolah rakyat di sekitar Kuching, menunjukkan bahawa protes politik turut menghasilkan bentuk mobilisasi sosial yang lain (Ho, 2001: 59; Mutalib, 2009: 229). Akhbar seperti Utusan Asas (UA) dan Utusan Sarawak (US) pula memperluaskan medan perjuangan melalui penyebaran wacana anti-penyerahan kepada masyarakat (Achie, 2000: 196). Dengan demikian, kekuatan sesuatu reaksi politik tidak hanya bergantung kepada jumlah penyokong, tetapi juga kepada keupayaan organisasi menukarkan rasa tidak puas hati kepada jaringan, simbol, media dan tindakan kolektif. Justeru, hipotesis khusus pertama ialah bahawa reaksi orang Melayu di Kuching terhadap penyerahan ditentukan oleh perbezaan kepentingan, kedudukan sosial, jaringan organisasi dan tafsiran terhadap legitimasi pemerintahan, manakala kekuatan mobilisasi anti-penyerahan berkembang apabila ketidakpuasan tersebut berjaya diterjemahkan kepada tindakan kolektif melalui persatuan, penjawat awam, pendidikan dan media.

Kegagalan gerakan anti-penyerahan membatalkan penyerahan pula menimbulkan masalah analitikal yang ketiga. Jika kejayaan politik hanya diukur berdasarkan pencapaian matlamat segera, gerakan tersebut boleh dianggap gagal kerana British kekal memerintah Sarawak. Namun, pendekatan sedemikian mengabaikan kesan jangka lebih panjang daripada pengalaman mobilisasi. Perjuangan melalui

persatuan, demonstrasi, pendidikan, media dan jaringan pemimpin menyediakan pengalaman organisasi yang kemudiannya dapat digunakan dalam politik yang lebih formal. Barisan Pemuda Sarawak (BPS), misalnya, muncul sebagai pertubuhan yang lebih radikal dalam lingkungan anti-penyerahan dan menunjukkan kewujudan perbezaan generasi serta pendekatan dalam kalangan aktivis Melayu (Sulaiman, 1989: 93; Ho, 2000: 77). Ini menunjukkan bahawa gerakan anti-penyerahan sendiri bukan satu organisasi tunggal yang statik, tetapi medan pembentukan kepimpinan dan persaingan idea politik.

Kesinambungan itu menjadi lebih jelas apabila politik Melayu memasuki era kepartian. Parti Negara Sarawak (PANAS) ditubuhkan pada 1960 dengan sokongan yang lebih kuat dalam lingkungan Melayu Kuching dan mempunyai hubungan dengan kelompok yang sebelumnya lebih terbuka kepada penyerahan (Ho, 2000: 89). Sebaliknya, Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA) yang muncul kemudian digerakkan oleh tokoh seperti Suut Haji Tahir, bekas pejuang anti-penyerahan dan Timbalan Presiden BPS, bersama golongan intelektual muda seperti Abdul Rahman Ya'kub dan Abdul Taib Mahmud. Hubungan ini menunjukkan bahawa pembelahan politik semasa isu penyerahan tidak hilang begitu sahaja, tetapi sebahagiannya diserap dan diolah kembali dalam politik kepartian. Kegagalan gerakan bantahan, dengan kata lain, boleh menghasilkan modal politik, jaringan kepimpinan dan pengalaman organisasi yang terus hidup selepas tuntutan asalnya tidak tercapai.

Namun, perkembangan politik tersebut tidak berjalan seiring dengan kemajuan ekonomi dan sosial yang sama kadar. Orang Melayu masih berhadapan dengan kelemahan ekonomi, hutang dan kebergantungan kepada pekerjaan tertentu, sedangkan dasar ekonomi baharu tidak serta-merta memperbaiki kedudukan mereka (Yaacob, 2014: 119; Said, 2015: 115). Pendidikan juga memperlihatkan ketidakseimbangan apabila bilangan pelajar Melayu masih ketinggalan berbanding kelompok lain pada pertengahan 1950-an, sehingga usaha seperti Sidang Pelajaran diperlukan untuk memperluaskan peluang pendidikan. Keadaan ini penting kerana ia membezakan antara mobilisasi politik dengan transformasi sosioekonomi. Kemampuan sesebuah komuniti membina organisasi dan parti politik tidak semestinya bermaksud kedudukannya dalam ekonomi dan pendidikan turut berubah dengan kadar yang sama. Maka, hipotesis khusus kedua ialah bahawa kegagalan gerakan anti-penyerahan membatalkan

perubahan kedaulatan tidak menghapuskan kesan politiknya, sebaliknya pengalaman mobilisasi tersebut membentuk modal organisasi dan kepimpinan yang mempercepat peralihan daripada politik bantahan kepada politik kepartian, walaupun transformasi politik itu berlangsung secara tidak seimbang dengan perkembangan ekonomi, pendidikan dan sosial masyarakat Melayu.

## Sorotan Literatur

Penulisan mengenai penyerahan Sarawak kepada British memperlihatkan beberapa pendekatan dalam menjelaskan sebab berlakunya perubahan kedaulatan. Yaacob menekankan gabungan masalah keluarga Brooke, hubungan Sarawak dengan British dan kelemahan ekonomi selepas pendudukan Jepun sebagai faktor utama yang mendorong penyerahan (Yaacob, 2014: 45). Ramli pula memberikan perhatian kepada kemusnahan akibat Perang Dunia Kedua yang menyebabkan Sarawak memerlukan sumber kewangan besar untuk memulihkan infrastruktur dan ekonomi (Ramli, 2011: 96). Penjelasan tersebut diperkukuhkan oleh penelitian mengenai kesan pendudukan Jepun dan keterbatasan pemerintahan Brooke untuk membiayai pembangunan semula. Sebaliknya, Osman memberi penekanan lebih besar terhadap faktor dalaman dinasti Brooke, khususnya kedudukan Charles Vyner Brooke, persoalan pewarisan dan kepentingan kewangan keluarganya (Osman, 1990: 148). Perbezaan penekanan ini memperlihatkan bahawa historiografi penyerahan tidak mempunyai satu sebab yang tunggal. Sebaliknya, ia bergerak antara pendekatan ekonomi, dinasti dan geopolitik, sekali gus menyokong keperluan untuk meneliti penyerahan sebagai hasil interaksi beberapa faktor yang berlaku serentak.

Perbahasan mengenai penyerahan turut melibatkan persoalan legitimasi perubahan pemerintahan. Anthony Brooke mempertikaikan proses penyerahan dengan menekankan kedudukan Perlembagaan Sarawak 1941 dan hak masyarakat tempatan untuk terlibat dalam menentukan masa depan negeri (Brooke, 1983: 29). Dalam arah yang hampir sama, Ho menunjukkan bahawa golongan anti-penyerahan menafsirkan tindakan Charles Vyner Brooke sebagai pencabulan terhadap semangat menuju pemerintahan sendiri dan menggunakan isu perlembagaan sebagai sebahagian daripada asas penentangan (Ho, 2019: 80). Literatur ini penting kerana mengalihkan penilaian daripada sekadar persoalan sama ada British mempunyai kemampuan

ekonomi yang lebih besar kepada persoalan sama ada perubahan kedaulatan tersebut mempunyai legitimasi politik. Dalam konteks ini, isu penyerahan menjadi pertembungan antara pertimbangan pentadbiran dan ekonomi dengan tuntutan bahawa masyarakat tempatan seharusnya mempunyai suara dalam menentukan bentuk pemerintahan mereka.

Kelompok literatur yang paling luas memberikan perhatian kepada reaksi masyarakat Melayu dan perkembangan gerakan anti-penyerahan. Osman menegaskan bahawa orang Melayu-Muslim menjadi komponen penting dalam gerakan tersebut dan menunjukkan bagaimana kegiatan persatuan, penjawat awam serta pemimpin tempatan membentuk mobilisasi bantahan (Osman, 1990: 150, 158). Ho pula menghuraikan pembahagian reaksi masyarakat kepada golongan yang menyokong, menentang dan bersikap neutral, serta menunjukkan bahawa gerakan anti-penyerahan menjadi bentuk tindak balas politik yang paling tersusun dalam kalangan orang Melayu (Ho, 2019: 74). Buyong Adil memberikan gambaran yang berbeza apabila merujuk hasil tinjauan British yang mendakwa sebahagian besar masyarakat Sarawak menerima penyerahan (Adil, 2022: 154). Percanggahan ini penting kerana menunjukkan bahawa persoalan "sokongan rakyat" bergantung pada siapa yang ditinjau, bagaimana pandangan dikumpulkan dan bagaimana kategori sokongan atau penentangan ditafsirkan. Oleh itu, angka atau kenyataan bahawa "majoriti rakyat bersetuju" tidak seharusnya diterima tanpa mempertimbangkan konteks politik dan kaedah tinjauan yang digunakan oleh pentadbiran kolonial.

Literatur juga menunjukkan bahawa reaksi Melayu tidak bersifat homogen. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) menjadi saluran utama anti-penyerahan, sedangkan Persatuan Melayu Muda (YMA) berfungsi sebagai wadah kelompok pro-penyerahan. Sulaiman menerangkan bahawa YMA menyediakan pusat perhimpunan kepada penyokong penyerahan dan membuka cawangan di beberapa kawasan, sedangkan Barisan Pemuda Sarawak (BPS) muncul sebagai organisasi pemuda yang lebih agresif dalam menentang penyerahan (Sulaiman, 1989: 92-93). Perbezaan antara PKMS, YMA dan BPS memperlihatkan bahawa orientasi politik Melayu tidak boleh dibahagikan secara mudah kepada elit lawan rakyat biasa. Sebahagian aristokrat menentang penyerahan, sementara sebahagian yang lain menyokongnya. Golongan muda pula tidak semestinya mengikuti

pendekatan pemimpin lama, bahkan BPS muncul sebahagiannya kerana ketidakpuasan terhadap gaya kepimpinan PKMS. Ini menjadikan isu penyerahan sebagai medan pembentukan perbezaan generasi, kepimpinan dan strategi politik dalam masyarakat Melayu.

Kajian mengenai bentuk mobilisasi anti-penyerahan memperlihatkan bahawa kekuatan gerakan tersebut tidak hanya bergantung kepada organisasi formal. Ho mencatatkan peletakan jawatan pegawai kerajaan sebagai bentuk protes terhadap pentadbiran British, manakala Porritt merekodkan jumlah pegawai tempatan yang meninggalkan perkhidmatan kerajaan selepas penguatkuasaan Circular No. 9 (Ho, 2001: 59; Porritt, 1994: 29). Golongan guru yang meletakkan jawatan pula membuka sekolah rakyat di kawasan Melayu Kuching, sekali gus mengubah tindakan protes politik menjadi kegiatan pendidikan masyarakat (Mutalib, 2009: 229). Achie menunjukkan bahawa akhbar seperti Utusan Sarawak (US) dan Utusan Asas (UA) turut menjadi saluran penting penyebaran gagasan anti-penyerahan (Achie, 2000: 196-197). Dengan itu, mobilisasi tidak hanya berlaku melalui demonstrasi, tetapi melalui birokrasi, pendidikan, persatuan dan media. Literatur ini membantu memperluaskan pengertian gerakan anti-penyerahan daripada sebuah gerakan protes kepada suatu jaringan mobilisasi sosial dan politik yang lebih kompleks.

Penulisan mengenai implikasi penyerahan pula menunjukkan bahawa kesan paling penting tidak berhenti pada kegagalan mengembalikan pemerintahan Brooke. Junaidi dan Ali mengaitkan pengalaman politik pasca perang dengan perkembangan kesedaran politik serta pembentukan parti di Sarawak (Junaidi & Ali, 2023: 51). Dalam masyarakat Melayu, kesinambungan tersebut dapat dilihat melalui perkembangan PKMS dan BPS serta kemunculan Parti Negara Sarawak (PANAS) dan Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA). PANAS mempunyai asas yang kuat dalam kalangan Melayu Kuching, manakala BARJASA turut menghimpunkan tokoh yang mempunyai pengalaman dalam gerakan anti-penyerahan. Perkembangan ini menunjukkan bahawa kegagalan sesuatu gerakan mencapai tuntutan segera tidak semestinya bermaksud gerakan tersebut gagal dari sudut sejarah. Pengalaman organisasi, pembentukan pemimpin dan jaringan politik boleh diwarisi oleh bentuk perjuangan berikutnya.

Namun, literatur mengenai kesan pemerintahan British juga memperlihatkan ketidakseimbangan antara perkembangan politik dengan keadaan sosioekonomi Melayu. Ho menunjukkan bahawa zaman kolonial British menyaksikan pembangunan sekolah, perkhidmatan kesihatan dan kemudahan sosial yang lebih luas (Ho, 2009: 85). Pada masa yang sama, kajian mengenai pendidikan Melayu memperlihatkan bahawa masyarakat tersebut masih berhadapan dengan keterbatasan peluang pendidikan dan terpaksa mengembangkan inisiatif sendiri seperti sekolah rakyat (Mutalib, 2009: 229). Kajian asal juga menekankan bahawa ekonomi Melayu tidak berkembang pada kadar yang sama dengan pembangunan keseluruhan negeri. Keadaan tersebut penting kerana ia menghalang tafsiran yang terlalu mudah bahawa pemerintahan kolonial sama ada sepenuhnya membawa "kemajuan" atau sepenuhnya membawa "kemunduran". Kesan politik, sosial dan ekonomi perlu dinilai secara berasingan kerana perubahan pada satu bidang tidak semestinya menghasilkan perkembangan yang sama pada bidang lain.

Secara keseluruhannya, historiografi penyerahan Sarawak dapat disusun kepada tiga kecenderungan utama. Pertama, penulisan mengenai sebab penyerahan yang memberikan penekanan berbeza kepada krisis keluarga Brooke, ekonomi pasca perang dan hubungan dengan British. Kedua, kajian mengenai 325erakan anti-penyerahan dan reaksi masyarakat, yang banyak menonjolkan mobilisasi orang Melayu tetapi turut menunjukkan kewujudan golongan pro-penyerahan. Ketiga, penulisan mengenai kesan 325erakan325 dan perkembangan politik pasca perang, khususnya pembentukan organisasi, parti politik, 325erakan325an serta kedudukan ekonomi masyarakat Melayu. Kajian ini menghubungkan ketiga-tiga kecenderungan tersebut dalam satu kerangka dengan menilai bagaimana krisis perubahan kedaulatan menghasilkan perbezaan reaksi politik, bagaimana perbezaan tersebut diterjemahkan melalui organisasi dan tindakan kolektif, serta bagaimana pengalaman mobilisasi akhirnya membentuk transformasi politik Melayu yang lebih 325erakan. Dengan pendekatan ini, penyerahan Sarawak tidak hanya dilihat sebagai peristiwa tahun 1946 atau sebagai sejarah kegagalan 325erakan anti-penyerahan, tetapi sebagai proses yang membentuk orientasi, jaringan dan pengalaman politik orang Melayu di Kuching.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah secara kualitatif dengan memberikan tumpuan kepada analisis dokumen dan sumber bertulis. Sumber primer diperoleh daripada bahan arkib, termasuk dokumen dan rekod yang berkaitan dengan penyerahan Sarawak, pentadbiran kolonial British dan gerakan politik Melayu. Sebahagian bahan Arkib Negeri Sarawak diakses secara dalam talian, manakala laporan dan dokumen lain diperoleh melalui koleksi Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Perpustakaan Negeri Sabah. Sumber primer tersebut digunakan untuk meneliti latar perubahan pemerintahan, bentuk reaksi politik serta tindak balas pentadbiran terhadap gerakan anti-penyerahan.

Sumber sekunder pula terdiri daripada buku, artikel jurnal, tesis, disertasi, keratan akhbar dan penulisan ilmiah yang membincangkan keluarga Brooke, penyerahan Sarawak, gerakan anti-penyerahan, politik Melayu dan perkembangan masyarakat Sarawak pada era kolonial British. Pencarian bahan tambahan turut dilakukan melalui pangkalan carian akademik dan sumber digital bagi melengkapkan maklumat yang tidak diperincikan dalam dokumen asal. Dalam pengolahan artikel ini, sumber-sumber tersebut dianalisis secara kronologis dan tematik berdasarkan tiga fokus utama, iaitu faktor yang membentuk perubahan kedaulatan, perbezaan reaksi politik orang Melayu di Kuching, serta kesinambungan mobilisasi daripada gerakan bantahan kepada organisasi dan politik kepartian. Perbandingan antara sumber turut dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan tafsiran, terutama antara naratif kolonial, penulisan tentang gerakan anti-penyerahan dan kajian politik pasca perang. Pendekatan ini membolehkan kajian menilai bukan sahaja apa yang berlaku, tetapi juga bagaimana sesuatu peristiwa ditafsirkan, diperdebatkan dan diwarisi dalam perkembangan politik Melayu di Kuching.

## Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian menunjukkan bahawa penyerahan Sarawak dan reaksi orang Melayu di Kuching tidak boleh difahami melalui satu naratif sebab-akibat yang mudah. Perubahan kedaulatan terbentuk daripada pertemuan antara kelemahan pemerintahan Brooke, kesan perang, masalah kewangan dan kepentingan British, manakala reaksi masyarakat Melayu pula memperlihatkan perbezaan

kepentingan, kedudukan sosial dan orientasi politik. Kegagalan gerakan anti-penyerahan mencapai tuntutan segera juga tidak menamatkan kesannya kerana pengalaman organisasi, media, pendidikan dan tindakan kolektif menyediakan asas kepada perkembangan politik Melayu yang lebih tersusun. Dengan itu, dapatan kajian mengubah fokus daripada pertanyaan sama ada gerakan anti-penyerahan "berjaya" atau "gagal" kepada persoalan yang lebih substantif, iaitu bagaimana krisis kedaulatan mengubah struktur dan budaya politik orang Melayu di Kuching.

## Krisis Pemerintahan Brooke dan Perubahan Kedaulatan Sarawak

Hipotesis utama (universal) menyatakan bahawa perubahan kedaulatan tidak ditentukan oleh satu faktor tunggal, tetapi terbentuk melalui interaksi antara kelemahan dalaman pemerintah, tekanan pasca konflik, kepentingan kuasa luar dan persoalan legitimasi. Dapatan kajian menyokong hipotesis tersebut kerana penyerahan Sarawak tidak dapat diterangkan hanya melalui kesan pendudukan Jepun. Kemusnahan akibat perang memang meningkatkan keperluan pembangunan semula, tetapi masalah tersebut berlaku serentak dengan persoalan pewarisan dan kewangan keluarga Brooke. Charles Vyner Brooke tidak mempunyai waris lelaki secara langsung, mempunyai hubungan yang bermasalah dengan Anthony Brooke dan pada masa yang sama berhadapan dengan persoalan kemampuan membiayai pemulihan negeri. Yaacob menggabungkan persoalan keluarga Brooke, hubungan dengan British dan keadaan ekonomi sebagai faktor utama (Yaacob, 2014: 45), sementara Osman memberikan perhatian kepada kepentingan kewangan dan kedudukan peribadi Vyner Brooke dalam keputusan penyerahan (Osman, 1990: 148). Dengan demikian, perang lebih tepat dianggap sebagai pemangkin yang mempercepat krisis sedia ada, bukan penyebab tunggal kepada berakhirnya pemerintahan Brooke.

Hubungan Sarawak dengan British pula memperlihatkan bahawa penyerahan bukan keputusan yang muncul dalam ruang politik yang kosong. Hubungan perlindungan dan diplomatik yang telah berkembang sebelumnya menyediakan rangka institusi yang memungkinkan pengambilalihan menjadi pilihan praktikal apabila pemerintahan Brooke menghadapi kelemahan. Selepas kekalahan

Jepun, pentadbiran sementara oleh British Borneo Civil Affairs Unit (BBCAU) turut memperlihatkan kemampuan pihak British mengendalikan pemulihan awal dan membawa masuk bekalan yang diperlukan. Dari sudut kritis, kemampuan tersebut memberi British kelebihan bukan hanya sebagai penyedia modal tetapi sebagai kuasa yang sudah mempunyai kehadiran pentadbiran dan strategik. Oleh itu, hubungan Sarawak-British harus dilihat sebagai unsur struktur yang mengubah pilihan politik Vyner Brooke: masalah dalaman menyediakan dorongan untuk menyerahkan kuasa, manakala kemampuan British menyediakan penerima yang mempunyai sumber dan kepentingan untuk mengambil alih.

Namun, kemampuan sesuatu kuasa mengambil alih pemerintahan tidak dengan sendirinya menghasilkan legitimasi. Di sinilah perdebatan mengenai Perlembagaan Sarawak 1941 menjadi penting. Golongan anti-penyerahan melihat Nine Cardinal Principles sebagai janji bahawa perkembangan politik Sarawak seharusnya bergerak menuju pemerintahan sendiri, bukannya kembali kepada bentuk pemerintahan kolonial langsung. Ho menunjukkan bahawa pencabulan terhadap semangat perlembagaan menjadi salah satu asas utama bantahan Melayu (Ho, 2019: 80-81). Pada Demonstrasi Raksaksa, slogan seperti "Kami Mahu Kemerdekaan" dan tuntutan supaya prinsip Atlantic Charter dihormati menunjukkan bahawa bantahan tidak semata-mata bersifat kesetiaan sentimental kepada Brooke, tetapi turut menggunakan bahasa hak menentukan nasib sendiri dan legitimasi politik (Achie, 2000: 198). Hal ini penting kerana ia mencabar tafsiran bahawa gerakan anti-penyerahan hanyalah usaha mengembalikan dinasti Brooke. Bagi sebahagian aktivis, Brooke berfungsi sebagai simbol kepada susunan politik yang dianggap menjanjikan pemerintahan sendiri.

Bukti tersebut menunjukkan bahawa penyerahan merupakan krisis kedaulatan dan legitimasi, bukan hanya transaksi pentadbiran. Kemusnahan perang dan kekurangan kewangan menjelaskan mengapa pemerintahan Brooke menjadi semakin sukar dipertahankan, manakala hubungan dengan British menjelaskan mengapa penyerahan menjadi pilihan yang boleh dilaksanakan. Namun, reaksi masyarakat tempatan menunjukkan bahawa keupayaan melakukan penyerahan tidak sama dengan penerimaan terhadap hak melakukan penyerahan. Perbezaan antara kemampuan dan legitimasi inilah yang mencetuskan konflik politik berikutnya. Oleh itu, hipotesis utama (universal) diterima: perubahan kedaulatan Sarawak terbentuk melalui pertemuan faktor

dalaman, struktur pasca perang dan kepentingan British, tetapi kesannya menjadi konflik politik kerana legitimasi perubahan tersebut dipertikaikan oleh sebahagian masyarakat tempatan.

## Anti-penyerahan, Pro-penyerahan dan Heterogeniti Politik Melayu

Hipotesis khusus pertama menyatakan bahawa reaksi Melayu ditentukan oleh perbezaan kepentingan, kedudukan sosial, jaringan organisasi dan tafsiran terhadap masa depan pemerintahan. Dapatan kajian jelas menolak gambaran bahawa orang Melayu Kuching merupakan satu blok politik yang seragam. Bahkan golongan perabangan sendiri berpecah antara penyokong dengan penentang penyerahan (Seng, 2008: 10). Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menjadi simbol penting anti-penyerahan, sedangkan Datu Pahlawan Abang Haji Mostapha muncul sebagai tokoh utama pro-penyerahan. Perbezaan dalam lingkungan elit yang sama menunjukkan bahawa status sosial sahaja tidak menentukan pendirian politik. Sebaliknya, kepentingan, jaringan dengan pentadbiran, pandangan tentang kemampuan British membangunkan semula Sarawak dan tafsiran terhadap Perlembagaan 1941 lebih menentukan arah pilihan politik.

Mobilisasi anti-penyerahan menjadi dominan kerana ia berjaya membentuk jaringan organisasi dan tindakan kolektif yang lebih luas. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) yang berasal daripada organisasi Melayu sebelum perang berubah daripada orientasi kebajikan kepada perjuangan politik selepas pengumuman penyerahan. Antara objektifnya ialah meningkatkan kedudukan masyarakat, pendidikan, taraf hidup dan budaya, tetapi isu penyerahan menjadikannya saluran utama bantahan politik (Ho, 2000: 75; Ho, 2019: 81). Barisan Pemuda Sarawak (BPS) pula lahir daripada golongan muda terpelajar yang tidak berpuas hati dengan gaya kepimpinan generasi lebih tua dan mengambil pendekatan yang lebih agresif. Sulaiman mencatatkan bahawa BPS mahu menyediakan anak negeri untuk menentukan nasib sendiri dan melindungi kepentingan penduduk asal (Sulaiman, 1989: 93). Perbezaan antara PKMS dan BPS memperlihatkan bahawa gerakan anti-penyerahan sendiri mempunyai dinamika generasi, gaya kepimpinan dan tahap radikalisme yang berbeza. Maka, "anti-penyerahan" bukan kategori politik yang sepenuhnya homogen.

Kekuatan gerakan tersebut lebih jelas apabila bantahan berpindah daripada organisasi kepada tindakan sosial. Pemulauan upacara rasmi, penutupan kedai, demonstrasi dan peletakan jawatan penjawat awam menunjukkan kesediaan sebahagian masyarakat membayar kos peribadi bagi mempertahankan pendirian politik. Circular No. 9 yang digunakan kerajaan untuk menghalang penglibatan penjawat awam tidak berjaya menamatkan gerakan; sebaliknya tindakan meletakkan jawatan memperluaskan simbol pengorbanan politik. Guru yang meninggalkan perkhidmatan kerajaan kemudian terlibat dalam sekolah rakyat, menjadikan pendidikan sebagai lanjutan kepada perjuangan anti-penyerahan (Ho, 2001: 59; Mutalib, 2009: 229). Akhbar Utusan Sarawak (US) dan Utusan Asas (UA) pula membantu mengubah bantahan daripada kegiatan setempat kepada wacana politik yang dapat disebarkan dan diulang dalam masyarakat (Achie, 2000: 196-198). Dalam konteks ini, mobilisasi anti-penyerahan menjadi dominan bukan semata-mata kerana jumlah penyokong, tetapi kerana ia memiliki kapasiti organisasi untuk menghasilkan tindakan, media, pendidikan dan simbol perjuangan.

Sebaliknya, kelompok pro-penyerahan mempunyai rasional politik tersendiri. PMM ditubuhkan sebagai ruang kepada penyokong penyerahan dan dipimpin oleh Datu Pahlawan Abang Haji Mostapha. Penyokongnya berhujah bahawa Sarawak memerlukan kewangan, perlindungan dan pembangunan yang dianggap lebih mampu disediakan British (Said, 2015: 79, 81). Namun, keahliannya dilaporkan tidak melebihi 1,000 orang, walaupun mendapat sokongan pentadbiran kolonial (Sahie, 2022: 31; Sulaiman, 1989: 91). Fakta ini perlu dibaca secara kritis. Sokongan pro-penyerahan tidak wajar dipadamkan daripada sejarah hanya kerana lebih kecil, tetapi sokongan pentadbiran terhadap YMA juga bermakna kedudukannya tidak boleh dianggap setara dengan mobilisasi yang berkembang secara menentang negara. Oleh itu, hipotesis khusus pertama diterima bahawa reaksi Melayu memang heterogen dan terbentuk melalui pelbagai kepentingan serta jaringan, tetapi anti-penyerahan menjadi lebih dominan kerana mempunyai kapasiti mobilisasi sosial dan simbolik yang lebih meluas daripada kelompok pro-penyerahan.

## Dari Politik Bantahan kepada Politik Kepartian dan Ketidakseimbangan Sosioekonomi

Hipotesis khusus kedua menjangkakan bahawa kegagalan gerakan anti-penyerahan tidak menghapuskan kesan politiknya, tetapi menghasilkan modal organisasi dan kepimpinan yang kemudiannya bergerak ke arah politik kepartian. Dapatan kajian menyokong hipotesis ini. Jika gerakan dinilai semata-mata berdasarkan matlamat asal untuk membatalkan penyerahan, ia memang gagal kerana British kekal memerintah. Tetapi ukuran tersebut terlalu sempit. Sepanjang perjuangan, masyarakat Melayu memperoleh pengalaman membentuk persatuan, mengurus demonstrasi, mengendalikan media, membina sekolah alternatif, menggerakkan pemuda dan wanita serta membentuk jaringan antara pemimpin dan masyarakat. Pengalaman itu mencipta apa yang boleh ditafsirkan sebagai modal politik dan organisasi, iaitu keupayaan untuk menggerakkan masyarakat secara kolektif walaupun tuntutan asal tidak tercapai.

Kesinambungan organisasi dapat dilihat dengan lebih jelas dalam kemunculan parti politik. Parti Negara Sarawak (PANAS) diasaskan oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha dan mempunyai asas penting dalam kalangan Melayu Kuching, manakala Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA) menghimpunkan sebahagian tokoh yang mempunyai latar anti-penyerahan. Suut Haji Tahir, bekas Timbalan Presiden BPS, menjadi antara penggeraknya, bersama kelompok intelektual muda seperti Abdul Rahman Ya'kub dan Abdul Taib Mahmud (Ho, 2000: 89; Yaacob, 2014: 178). Pembentukan dua saluran politik tersebut menunjukkan bahawa pembelahan lama antara pro-penyerahan dan anti-penyerahan tidak hilang sepenuhnya, tetapi sebahagiannya diterjemahkan semula ke dalam persaingan politik kepartian. Politik Melayu dengan demikian berubah daripada mobilisasi mengenai satu isu kedaulatan kepada organisasi yang mempunyai agenda lebih luas mengenai pendidikan, agama, ekonomi, kebudayaan dan hak politik.

Transformasi tersebut juga tidak terbatas kepada kepimpinan lelaki. Penubuhan Kaum Ibu dengan Lily Eberwein sebagai pengerusi memperlihatkan penglibatan wanita dalam ruang organisasi dan perubahan sosial (Blackburn & Ting, 2013: 186). Hal ini memperluaskan makna mobilisasi politik kerana gerakan pasca perang menghasilkan ruang yang membolehkan wanita, guru, pelajar,

penjawat awam dan pemimpin agama menjadi sebahagian daripada kehidupan awam. Namun, proses ini tidak harus digambarkan sebagai perkembangan yang linear daripada "protes" kepada "demokrasi matang". Pertubuhan Melayu masih dibentuk oleh persaingan kepimpinan, jaringan naungan (patronage) dan perbezaan generasi. Pembentukan PANAS dan BARJASA sendiri menunjukkan bahawa pengalaman bersama menghadapi kolonialisme tidak semestinya menghasilkan kesatuan politik yang kekal. Sebaliknya, pengalaman itu menyediakan bahasa dan mekanisme politik yang kemudian digunakan dalam persaingan baharu.

Lebih penting, transformasi politik tidak berjalan seiring dengan transformasi ekonomi dan pendidikan. Yaacob menunjukkan bahawa sebahagian orang Melayu terus berhadapan dengan kemiskinan, hutang dan keperluan berhijrah ke bandar bagi mendapatkan pekerjaan (Yaacob, 2014: 119), manakala koperasi yang diwujudkan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi tidak dapat bertahan dengan baik (Said, 2015: 115). Dalam pendidikan, jumlah pelajar Melayu pada 1954 masih jauh lebih rendah daripada pelajar Cina, dan pembentukan Sidang Pelajaran menunjukkan bahawa masyarakat terpaksa membina mekanisme sendiri untuk memperbaiki kedudukan pendidikan. Pada masa yang sama, peningkatan kemudahan kesihatan dan pembangunan sekolah menunjukkan terdapat perkembangan sosial di bawah pentadbiran British. Oleh itu, kesan kolonial tidak wajar dikategorikan secara mudah sebagai positif atau negatif. Hipotesis khusus kedua diterima kerana gerakan anti-penyerahan memang mempercepat transformasi politik Melayu, tetapi perubahan politik itu jauh lebih cepat daripada peningkatan kedudukan ekonomi dan pendidikan. Justeru, warisan utama penyerahan ialah terbentuknya masyarakat Melayu yang lebih tersusun secara politik, tetapi masih berhadapan dengan ketidakseimbangan material yang mengehadkan hasil transformasi tersebut.

## Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa penyerahan Sarawak kepada British merupakan lebih daripada sekadar pertukaran pentadbiran daripada keluarga Brooke kepada kuasa kolonial British. Perubahan kedaulatan tersebut terbentuk melalui pertemuan antara krisis dalaman pemerintahan Brooke, kemusnahan pasca perang, masalah kewangan, persoalan pewarisan dan hubungan politik yang telah lama terjalin

dengan British. Pada masa yang sama, penyerahan membuka persoalan mengenai legitimasi pemerintahan kerana sebahagian masyarakat tempatan tidak menerima bahawa masa depan Sarawak boleh ditentukan tanpa penglibatan yang lebih bermakna daripada rakyat. Pertembungan antara kemampuan British mengambil alih pemerintahan dengan penolakan terhadap legitimasi proses tersebut kemudiannya menjadi asas kepada konflik politik dalam masyarakat Melayu di Kuching.

Pengujian terhadap hipotesis utama menunjukkan bahawa hipotesis tersebut diterima. Perubahan kedaulatan tidak berlaku kerana satu faktor tunggal, tetapi melalui hubungan antara kelemahan dalaman pemerintah, tekanan struktur selepas konflik, kepentingan kuasa luar dan persoalan penerimaan masyarakat terhadap perubahan pemerintahan. Perang mempercepat kelemahan pemerintahan Brooke, tetapi tidak dengan sendirinya menerangkan keputusan penyerahan. Begitu juga masalah kewangan dan pewarisan tidak boleh dipisahkan daripada kemampuan British menyediakan struktur pentadbiran dan sumber pembangunan semula. Justeru, penyerahan Sarawak perlu difahami sebagai hasil interaksi beberapa tekanan yang saling memperkuat, sementara pertikaian terhadap legitimasinya menjelaskan mengapa perubahan pentadbiran tersebut berkembang menjadi isu politik yang berpanjangan.

Hipotesis khusus pertama turut diterima apabila kajian membuktikan bahawa reaksi orang Melayu di Kuching tidak bersifat homogen. Golongan anti-penyerahan menjadi lebih dominan melalui kemampuan membentuk jaringan persatuan, menggerakkan penjawat awam, guru, pemuda dan wanita serta menggunakan demonstrasi, pendidikan dan media sebagai instrumen politik. Namun, kewujudan golongan pro-penyerahan memperlihatkan bahawa pilihan politik masyarakat Melayu tidak dapat dijelaskan secara mudah melalui pembahagian antara nasionalis dengan penyokong kolonial. Sokongan atau penentangan turut dipengaruhi oleh kedudukan sosial, hubungan dengan pentadbiran, kepentingan ekonomi, tafsiran terhadap kestabilan negeri dan pandangan mengenai masa depan Sarawak. Oleh itu, isu penyerahan bukan sahaja menghasilkan pertentangan antara masyarakat tempatan dengan British, tetapi turut memperlihatkan pembentukan perbezaan orientasi politik dalam masyarakat Melayu sendiri.

Hipotesis khusus kedua juga diterima kerana kegagalan gerakan anti-penyerahan mencapai matlamat segera tidak bermaksud perjuangan tersebut berakhir tanpa kesan sejarah. Gerakan itu menghasilkan pengalaman dalam organisasi, Jaringan yang terbentuk semasa perjuangan anti-penyerahan menyediakan asas kepada perkembangan persatuan dan parti politik, manakala pembelahan antara kelompok yang pernah mempunyai orientasi politik berbeza turut muncul semula dalam persaingan kepartian. Dengan demikian, kegagalan membatalkan penyerahan boleh dianggap sebagai kegagalan dari sudut tuntutan segera, tetapi pada masa yang sama menjadi pengalaman penting dalam pembentukan budaya politik dan kesedaran berorganisasi masyarakat Melayu.

Walau bagaimanapun, Transformasi politik tersebut tidak berlaku seimbang dengan perubahan ekonomi dan pendidikan. Perkembangan organisasi dan kepimpinan politik berlangsung bersama kelemahan ekonomi, keterbatasan peluang pendidikan serta perpecahan dalam masyarakat Melayu. Pada masa yang sama, pembangunan perkhidmatan kesihatan, sekolah dan kemudahan awam menunjukkan bahawa pemerintahan kolonial turut membawa perubahan sosial yang tidak boleh dinilai hanya melalui kategori positif atau negatif. Secara keseluruhannya, penyerahan Sarawak menjadi titik perubahan yang mempercepat transformasi politik orang Melayu di Kuching, bukan kerana gerakan anti-penyerahan berjaya mencapai matlamat asalnya, tetapi kerana konflik mengenai kedaulatan telah membentuk pengalaman organisasi, perbezaan ideologi dan jaringan kepimpinan yang kemudiannya mempengaruhi perkembangan politik Melayu. Dalam pengertian ini, warisan penyerahan terletak bukan sahaja pada perubahan siapa yang memerintah Sarawak, tetapi pada perubahan cara masyarakat Melayu memahami, mengorganisasi dan memperjuangkan kepentingan politik mereka.

## Penghargaan

Artikel ini diolah dan dikembangkan daripada hasil penyelidikan Latihan Ilmiah pelajar Program Sejarah. Penghasilan manuskrip ini merupakan usaha kolaboratif bersama Prof. Madya Dr. Bilcher Bala selaku penyelia, yang telah menyumbangkan idea, semakan terperinci, serta komitmen penuh dalam menyunting dan mempertingkatkan kualiti artikel ini sehingga berjaya diterbitkan.

## Senarai Rujukan

### Buku dan Jurnal

Achie, N. (2000). Pemikiran Pejuangan Anti Penyerahan: Satu Tinjauan Khusus Terhadap *Utusan Sarawak* 1949-1950. *Jurnal Sejarah*. Vol. 8 (8). Hlm. 197.

Adil, B. (2022). *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Arial Communications Sdn. Bhd.

Blackburn, S. & Ting, H. (2013). *Women in Southeast Asian Nationalist Movements*. Singapore: NUS Press.

Brooke, A. (1983). *The Fact About Sarawak: A Documented Account of the Cession to Britain in 1946*. Singapore: Summer Times.

Ho, H. L. (2000). Pertubuhan-Pertubuhan Sosiopolitik di Sarawak Tahun 1946-1963. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*. Vol. 28: 72-117.

Ho, H. L. (2001). Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British. *Malaysia dari Segi Sejarah*. Vol. 29: 43-73.

Ho, H. L. (2009). Pembangunan Sosial di Negeri Sarawak pada Zaman Pentadbiran Kolonial British, 1946-1963. *Jurnal Sarjana*. Vol. 24 (2): 82-104.

Ho, H. L. (2019). Gerakan Antipenyerahan di Sarawak 1946-1949: Penentangan Orang Melayu Terhadap Penjajahan British. *Journal of Al-Tamaddun*. Vol. 14 (1): 73-88.

Junaidi, A. & Ali, N. W. M. (2023). Pengaruh Etnik dalam Pembentukan Parti-Parti Politik Awal di Sarawak, 1959-1963. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*. Vol. 34 (1): 49-66.

Mutalib, N. A. (2009). Pencapaian Masyarakat Melayu Sarawak dalam Bidang Pendidikan Sebelum dan Selepas Merdeka. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*. 20(1): 219-240.

Ngu, I. T. (2017). Ethnicity and Nationalism: Ideological Struggles in Sarawak after the Second World War. *Inter-Asia Cultural Studies*. Vol. 18 (3): 433-444.

Osman, S. (1990). The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-51. *JEBAT*. Vol. 18: 148-158.

Porritt, V. L. (1994). *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963*. Tesis PhD. Murdoch University.

Ramli, D. M. H. (2011). The Impact of the Colonial Rule on Sarawak and Sabah. *Jurnal Darussalam*. Bil. 11: 96.

Sahie, N. (2022). *Perjuangan Hidup Rosli Dhobi di Sarawak pada 1946-1951*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.

Said, S. (2015). *Politik Melayu di Sarawak 1946-1966: Bersatu ke Mercu Kuasa*. Kuching: InfoGrafik Press Sdn. Bhd.

Seng, G. Q. (2008). *The Origins of the Socialist Revolution in Sarawak (1945-1963)*. Tesis Sarjana. Department of History, National University of Singapore.

Sulaiman, M. H. (1989). *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*. Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak.

Tarling, N. (1992). Brooke Rule in Sarawak and Its Principles. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Vol. 65 (1): 15-26.

Yaacob, H. F. (2014). *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di Bawah Penjajahan British 1946-1963*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.